

LATIHAN DAN ULANGKAJI

A. Sila tulis huruf **(B)** bagi ayat yang **BETUL** dan **(S)** bagi ayat yang **SALAH**.

Bil	Soalan	Petak Jawapan
1.	Jika kita minum air yang tercemar boleh menyebabkan kita sakit perut.	
2.	Membuang bahan toksik ke dalam sungai menyebabkan ikan hidup dengan sihat.	
3.	Penebangan pokok yang tidak terkawal boleh menyebabkan tanah runtuh.	
4.	Jerebu tidak mencemarkan alam sekitar.	
5.	Orang yang melakukan pembakaran secara terbuka boleh dikenakan denda.	

B. Pilih jawapan yang betul dengan menulis **A, B, C** dan **D** di dalam petak yang disediakan.

- Semua ini merupakan alam sekitar semula jadi kecuali ...

- tumbuh-tumbuhan
 - rumah-rumah
 - udara
 - air
- Di bawah ini merupakan pencemaran alam sekitar disebabkan oleh sikap individu kecuali...


- membuang sampah merata-rata
 - membuang sisa industri ke dalam sungai
 - membuat pembakaran terbuka
 - membersihkan sungai dan parit
- Jika alam sekitar bersih kita hidup dengan ...

- mencium bau yang busuk
 - selesa dapat menghirup udara bersih
 - mudah dijangkiti penyakit
 - tidak dapat melakukan riadah dengan selesa
- Sungai menjadi nadi kehidupan semua makhluk kecuali...

- sungai tempat pembuangan sisa toksik
 - sungai menjadi sumber air kepada manusia
 - sungai menjadi tempat ikan hidup
 - air sungai digunakan untuk menyiram sayur-sayuran

5. Negara kita yang bersih boleh mengundang _____ datang ke negara kita.

- A. pelancong
- B. perompak
- C. penjenayah
- D. pemugut



C. Pilih dan senaraikan ciri-ciri **kelakuan yang baik** dan **kelakuan yang tidak baik** berdasarkan maklumat yang disediakan.

- menjaga kebersihan sungai
- merosakkan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan
- tidak menghormati pemimpin
- bersemangat patriotik
- menyeberang semasa lampu isyarat berwarna hijau
- memandu motosikal tanpa lesen yang sah.
- memandu laju di jalan raya
- mempelajari cara bertenun kain
- menggunakan bahan kimia untuk menangkap ikan
- menyertai perhimpunan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

Kelakuan yang baik		Kelakuan yang tidak baik	
1.		1.	
2.		2.	
3.		3.	
4.		4.	
5.		5.	